

# MOA bantu baik pulih kediaman

## Bantuan Projek AZAM Tani diberi kepada rakyat berdaftar dalam eKasih

Oleh Habsah Dinin  
ecah@bharian.com.my

**S**ERAMAI 77 keluarga di kawasan Parlimen Pasir Gudang di Johor menerima bantuan membaik pulih rumah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang berjumlah RM77,000.


Ahli Parlimen Pasir Gudang yang juga Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata 77 keluarga yang menerima bantuan ini adalah sebahagian mereka yang terbabit dengan Projek AZAM Tani di Johor selaras usaha meningkatkan taraf hidup mereka.

“Seramai 32 keluarga dari Parlimen Pasir Gudang menerima bantuan AZAM Tani berjumlah RM295,282 tahun lalu.

“Tahun ini jumlah keluarga yang menerima bantuan ditambah 50 lagi. Daripada jumlah itu, seramai 30 peserta menerima bantuan bernilai RM270,000 dalam bentuk enjin bot, peralatan menangkap ikan, peralatan memproses makanan ringan dan peralatan permulaan perniagaan hasil tani,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kursus Motivasi Peserta Program AZAM Tani Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Parlimen Pasir Gudang, baru-baru ini. Kursus itu julung kali diadakan di kawasan Parlimen itu sejak Program AZAM Tani dilaksanakan di Johor.

Program AZAM Tani adalah kesinambungan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan



**MOHAMED KHALED** menyampaikan replika cek bantuan kepada Kumpulan Penternak Kupang Orang Asli Kampung Kuala Masai selepas Kursus Motivasi Peserta Program AZAM Tani LPNM Parlimen Pasir Gudang, baru-baru ini.

rendah di negara ini.

Katanya, Johor menjadi perintis program ini dengan jumlah peruntukan disalurkan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) berjumlah RM6 juta tahun lalu.

“Sehingga kini, 88 peserta di seluruh daerah Johor Bahru termasuk Parlimen Pasir Gudang, sudah menerima bantuan dalam bentuk peralatan bernilai RM797,714.50,” jelas Mohamed Khaled.

Beliau menambah, bantuan Projek AZAM Tani diberi kepada rakyat berpendapatan rendah yang

berdaftar dalam eKasih (adalah syarat utama) serta tergolong di bawah kategori miskin tegar dan miskin dan berminat dengan projek pertanian.

Menerusi program ini peserta menerima bantuan secara berpakej iaitu bantuan projek dengan nilai maksimum RM10,000 seorang.

Projek yang dijalankan itu mestilah berkonsep Quick Win, iaitu yang mendatangkan hasil yang cepat antara tiga hingga enam bulan dalam projek berasaskan tanaman, ternakan, perikanan, pemprosesan, perniagaan hasil tani dan kemu-

dahan pemasaran.

Jentera pelaksana projek AZAM Tani diberi kepada tiga jabatan dalaman agensi di bawah MOA iaitu Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), LPNM TEKUN, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Pertanian Muda Malaysia (MADA).